

Tidak apung harga ayam bukan tindakan *U-turn* - PM

UM - 26/6/2022 W/L 3

Oleh **PETAH WAZZAN**
ISKANDAR

utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menegaskan, keputusan kerajaan tidak mengapungkan harga ayam di pasaran bukan tindakan *U-turn*, sebaliknya bagi memenuhi kehendak rakyat.

Perdana Menteri berkata, keputusan yang diumumkan

adalah bagi memenuhi hasrat rakyat kerana ia mampu memberi kebaikan kepada semua.

“Apa yang kita buat adalah untuk kebaikan rakyat. Ini bukan *u-turn*, Kita tidak kata *u-turn*.”

“Kita kata sebelum ini tiada berlaku pengapungan harga ayam setelah mendengar pandangan rakyat iaitu Keluarga Malaysia,” kata beliau ketika program walkabout Perdana Menteri di Karnival Jom Heboh

di sini semalam.

Ismail Sabri berkata demikian selepas diminta mengulas dakwaan parti pembangkang yang mengatakan keputusan harga ayam di pasaran tidak akan diapungkan adalah tindakan *u-turn*.

Kelmarin, Ismail Sabri mengumumkan harga ayam di pasaran tidak akan diapungkan dan harga siling baharu akan diumumkan dalam masa terdekat “Harga siling baharu akan

diumumkan oleh Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee dalam masa terdekat,” kata beliau.

Ismail Sabri berkata, kerajaan masa kini adalah kerajaan yang mendengar pandangan rakyat.

“Maka keputusan kerajaan melibatkan harga ayam semalam adalah mendengar pandangan rakyat dan kita buat keputusan tersebut,” katanya.